



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 29 NOVEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **1,333 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah **52,647 kes** (81.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 29 November 2020, negara kita telah merekodkan kes harian baharu yang lebih rendah berbanding bilangan kes sembuh iaitu sebanyak **1,309 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia

sebanyak **64,485 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 11,481 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat satu (1) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala 1,308 kes pula adalah merupakan penularan COVID-19 dalam negara.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melaporkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak **493 kes (37.7 peratus)**, di mana **473 kes (95.9 peratus)** adalah daripada kluster-kluster di tempat kerja (tapak-tapak pembinaan). Ini diikuti oleh Sabah sebanyak **290 kes (22.2 peratus)** dan Selangor sebanyak **238 kes (18.2 peratus)**.

Sebanyak **75 kes (5.7 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara yang membabitkan Kluster Tembok (38 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (14 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (13 kes), Kluster PTS Tawau (4 kes), Kluster Penjara Reman (3 kes), Kluster GK Tawau (2 kes), dan Kluster Penjara Sandakan (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **116 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **42 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **tiga (3) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **357 kes (0.55 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
355	41169	Perak	Lelaki (WN)	64	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, penyakit hati kronik
356	60507	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	89		Kanser perut

					Disahkan kematian di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban	
357	62337	Sabah	Perempuan (BWN)	53	Disahkan kematian di Hospital Tawau	Penyakit kencing manis

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

KKM ingin memberi sedikit pencerahan mengenai kematian ke-352 (iaitu kes ke-35037) di Sabah yang melibatkan seorang lelaki bukan warganegara yang dilaporkan berusia 130 tahun. Kematian arwah telah disahkan oleh Hospital Tuaran. Maklumat mengenai latar belakang arwah telah diperolehi daripada kaum keluarga beliau dan juga pihak berkuasa tempatan. Memandangkan arwah tidak mempunyai sebarang dokumen pengesahan diri yang sah, maklumat yang diterima adalah terhad, termasuklah usia arwah.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 29 November 2020, terdapat sebanyak **359 kluster** telah dilaporkan termasuk **empat (4) kluster** baharu yang dilaporkan pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **176 kluster** termasuk **satu (1) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Megah. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **183 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **49 kluster** melaporkan pertambahan kes. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Tapak Bina Awan Baru (367 kes)**, **Kluster Bintang (76 kes)** dan **Kluster Bayam Indah (52 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat empat (4) kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER TAPAK BINA SUNGAI MULIA

Kluster ini melibatkan daerah Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes awal dalam kluster ini

telah dilaporkan positif COVID-19 pada 29 November 2020 hasil saringan tempat kerja di sebuah tapak pembinaan. Sehingga 29 November 2020, sejumlah 124 individu telah disaring, di mana **23 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER BATU LIMA

Kluster ini melibatkan daerah Kota Kinabalu di negeri Sabah. Kes indeks (iaitu kes ke-50994) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 19 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 29 November 2020, sejumlah 118 individu telah disaring, di mana **49 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER YAYASAN

Kluster ini melibatkan daerah Klang di negeri Selangor. Kes indeks (iaitu kes ke- 52340) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 20 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 29 November 2020, sejumlah 190

individu telah disaring, di mana **21 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER HILIR

Kluster ini melibatkan daerah Kota Bharu, Tumpat, Bachok dan Pasir Puteh di negeri Kelantan. Kes indeks (iaitu kes ke-58845) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 24 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 29 November 2020, sejumlah 975 individu telah disaring, di mana **21 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

29 November 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 29 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	290	28,445
SELANGOR	238	13,533
W.P. KUALA LUMPUR	493	6,087
NEGERI SEMBILAN	32	4,774
KEDAH	52	2,532
PULAU PINANG	46	2,028
PERAK	77	1,742
W.P. LABUAN	35	1,326
JOHOR	37 (1)	1,325
SARAWAK	0	1,062
PAHANG	1	401
MELAKA	1	387
KELANTAN	6	359
TERENGGANU	1	237
W.P. PUTRAJAYA	0	204
PERLIS	0	43
JUMLAH KESELURUHAN	1,309 (1)	64,485

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Perincian 1,309 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 29 November 2020 adalah seperti berikut:

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 493 kes**
 - 473 kes daripada kluster-kluster, termasuk 23 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Sungai Mulia**;
 - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 13 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 291 kes**
 - 90 kes daripada kluster-kluster, termasuk 27 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Batu Lima**;
 - 130 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 71 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 238 kes**
 - 113 kes daripada kluster-kluster, termasuk lapan (8) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Yayasan**;
 - 49 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 76 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 77 kes**

- 71 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 52 kes**

- 50 kes daripada kluster sedia ada;
- Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 46 kes**

- 29 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 11 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 37 kes**

- 21 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 35 kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - 28 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 32 kes**
 - 31 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Kelantan: Enam (6) kes** daripada kluster baharu iaitu **Kluster Hilir**.
- **Pahang: Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Melaka: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.